

TAHU & LIHAT

Jika nak tahu orang berbangsa

Lihat pada budi bahasa

Jika nak tahu orang bahagia

Suka jauhi perkara sia-sia

Jika nak tahu orang mulia

Lihat pada kelakuananya

Jika nak tahu orang berilmu

Bertanya selalu, belajar tak jemu

Jika nak tahu orang berakal

Hidup di dunia mencari bekal

Jika nak tahu orang baik perangai

Ramah ceria bersama orang ramai

Jika nak tahu warga cemerlang

Pintar merancang tak cakap sebarang

Nukilan: Deban HEP

TAHNIAH !!!

Dua orang anak kakitangan HEP telah berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan UPSR 2002. Adik Nor Khairani Amira Binti Mokhtar dan Siti Nor Syafikhah Binti Md Nor memperolehi 5A dalam peperiksaan tersebut. Tahniah diucapkan!

Selamat Bertunang kepada Cik Hafzan Ariffin. Majlis berlangsung pada 4 November 2002 yang lalu. Moga jodoh berkekalan hingga ke akhir hayat.

JATIDIRI DINOBAT UNIVERSITI DIDIAULAT

Kita sudah terjaga

Dikejutkan rasa keinsafan

Yang peka prihatin

Mengejar visi murni

Dan berinovatif

Membara juwa

Insan kreatif

Bersama-sama kita membawa

Misi yang temetri

Membentuk insan

Berhati murni

Dan bersahsiah tinggi

Seiring aspirasi

Menjatikan diri

Tidak rela berundur lagi

Kita julung KUTKM

Penjana wawasan anak bangsa

Rela berjuang

Sedia menghadapi

Segala sifangan

Dengan sumpah

Demi visi, misi

Dengan jiwa teknologi

Masakini

Dalam era globalisasi

Kita julung KUTKM

Penjana wawasan

Berjiwa profesional

Atas nama kesedaran

Menjadi pemimpin ulung

Dan pejuang bangsa merdeka

Bersedia dan rela apa saja

Demi agama suci

Dan kegenilangan bangsa

Yang perkasa

Di negara

Yang berdaulat

Nukilan:

En. Md. Nor Ali, PJK

Penolong Pendaftar

HEP, KUTKM

You are what you are
and Not what your
father was**"KUTKM
CERGAS"**

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

Kolej Universiti Teknikal
Kebangsaan Malaysia
Karung Berkunci 1200
Ayer Keroh
75450 MelakaTel: 06-2332435
Fax: 06-2332441
Email: hep_kp@kutm.edu.my**Pejabat Hal Ehwal Pelajar****Buletin HEP**

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

Bil. 1/2002
Buletin Dwibulanan
November, 2002

SISWA KUTKMIFTAR BERSAMA PEMIMPIN

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dengan urus setia bersama pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Canseleri mengadakan "Majlis Berbuka Puasa Bersama Penduduk Taman Tasik Y.A.B. Ketua Menteri Utama. Turut menyertakan Melaka" pada Jumaat 22 November 2002, bersamaan 17 Ramadhan 1423H. Acara tersebut yang dilangsungkan di Dewan Bistari, Ayer Keroh pada tahun ini merupakan di antara aktiviti ihyā Ramadhan yang menjadi rutin dalam kalender tahunan KUTKM. Dalam hal ini pihak KUTKM akan



majlis kehadiran Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong, Pengurus Lembaga Pengarah KUTKM (LPU) dengan ahli-ahli LPU yang lain.



Pertambahan pelajar KUTKM untuk tahun ini menyemarakkan lagi majlis berbuka puasa tersebut. Keterlibatan semua 1100 pelajar Islam bersama 400 orang kakitangan menceriakan lagi malam berkenaan yang merupakan malam Nuzul al-Qur'an.

Imbasan senario kemeriahan majlis berbuka seumpama ini pada Isnin 10 Disember 2001 (25 Ramadhan 1422H) di kampus sementara KUTKM,

Y.Bhg Pengurus LPU dan Y.A.B. Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka. Hadirin selanjutnya berpeluang menikmati ceramah Nuzul al-Qur'an yang disampaikan oleh penceramah undangan, Datuk Mohd Noh Gadut, Mufti Kerajaan Negeri Johor.

Selain daripada agenda mengimarah aktiviti ihyā Ramadhan dengan amalan-amalan fardu dan sunat, majlis berbuka (iftar) ini dilaksanakan juga dengan tujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim di antara para siswa/siswi, warga kerja KUTKM dan pemimpin-pemimpin, serta menjalin semangat sinergi hasil kerjasama berpasukan di kalangan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program tersebut, dari pelbagai jabatan dan kepimpinan pelajar.

Program seumpama ini mencerminkan wadah kepimpinan yang tidak keberatan turun padang bersama pelajar selaku generasi pelapis teraju kepimpinan negara, begitu juga pelajar yang bergerak sejak sejauh dengan aspirasi nasional ke arah menjana kecemerlangan.

Sidang Redaksi

PENASIHAT
Prof. Madya Dr. Su'aidi Dato' Safei

EDITOR
Mohd. Marwan bin Abu Kasim

KETUA PENGARANG
Ali Hafizan bin Mohamad Rawi

PENGARANG
Asiah binti Hj. Mohd. Pilus
Md. Nor bin Ali **PJK**
Affandi bin Abu Bakar
Raduan bin Nordin
Mohd. Nizam bin Mazlan
Hafzan binti Ariffin


PEREKA GRAFIK
Siti Aishah binti Mat Zain

FOTOGRAFI
Sahrin bin Amzah
Mokhtar bin Aman

PEMBACA PRUF
Mazne binti Ja'affar
Sharniza Zainudin

PUBLISITI & PROMOSI
Norhayati binti Hj. Mahat

Penghargaan Terima Kasih
Unit Grafik KUTKM



DARI MEJA DEKAN HEP

Dengan kemunculan keluaran sulung buletin ini, HEP mengorak langkah ke arah mewujudkan jaringan perkongsian idea dengan warga pembaca melalui penulisan dan penerbitan. Jalinan interaksi ini mempertemukan minda dan memperkaya wahana saranan serta cadangan ke arah memahami minat dan memenuhi selera semua.

Syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada sidang redaksi buletin HEP yang prihatin mengambil inisiatif menerbitkan media

RAMADHAN

Alhamdulillah kita bertemu sekali lagi dengan Ramadhan al-Mubarak yang banyak kelebihannya untuk kita kembalikan semula kejernihan hati sepertimana kita dilahirkan dahulu. Hati kita semakin kotor dengan fitnah dunia yang didorong oleh hawa nafsu yang kian bermaharajalela. Dengan kehadiran Ramadhan kali ini hendaklah kita muhasabah diri agar dapat melipatgandakan amalan yang telah dijanjikan kelebihannya oleh Allah swt.



"Allah mengangkat orang yang beriman di antara kamu dan meninggikan orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat"

(al-Mujadilah 58 : 11)

"KUTKM CERGAS"

informasi ini dengan tujuan menyajikan kalender peristiwa, catatan program dan aktiviti yang telah diatur dan disusun bersama warga siswa KUTKM. Bicara HEP yang dijadualkan ke udara setiap dwibulanan ini menyukarkan pencapaian dan kejayaan siswa melalui keterlibatan mereka dalam semua acara yang dikendalikan oleh unit-unit di pejabat HEP, maupun secara kerjasama dengan agensi luar. Fokus aktiviti yang dijalankan menjurus untuk mencungkil bakat dan keupayaan, menjana kreativiti serta inovasi warga siswa yang berjatidiri, berdisiplin dan berdaya saing. Sehubungan itu, keluarga kerja HEP memain

peranan memudahkan dan menyemarakkan semangat siswa untuk terus berani menangani sesuatu yang mencabar, tidak mudah mengalah dan melaungkan kalimah keramat "KUTKM Cergas".

Adalah menjadi agenda pejabat HEP untuk menambahnilai penerbitan ini kepada versi e-buletin bagi memberi manfaat yang lebih menyeluruh kepada semua populasi pembaca di mana jua mereka berada. Terima kasih kepada semua yang ceria memberi sokongan dan pandangan yang membina.

- Prof. Madya Dr. Su'aidi Dato' Safei

kebendaan sedangkan ketika ini pintu-pintu syurga dibuka dengan seluas-luasnya, ditutup pintu-pintu neraka, dibelenggu segala siasatan. Inilah bulan yang lebih baik dari seribu bulan serta bulan yang tidak dapat dihitung faedah dan kelebihannya.

Bulan Ramadhan bukanlah bulan untuk berhibur, berpesta membeli-

sebagainya yang direhui oleh Allah s.w.t. Hendaklah kita bersama menjadi orang yang berlumba-lumba melakukan kebajikan dan janganlah kita menjadi seperti orang-orang yang membazirkan masa dengan fitnah dunia dan kemaksiatan.

Semoga Allah s.w.t. memberikan segala kebaikan dan ketaatan, menghindarkan kita dari segala kesalahan dan

kemaksiatan. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Kuasa, selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad saw, ke atas kaum keluarga dan sahabat-sahabat baginda.

Ramadhan adalah bulan yang agung, raja sekalian bulan, bulan turunnya Al-Quran, turunnya rahmat Allah swt, bulan penghapusan dosa, bulan dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka. Ramadhan merupakan suatu perkabaruan yang cukup hebat. Mengapa kita terus leka hanyut dibuai dengan angan-angan

belah, bukan bulan berpesta kuih-muih dan makanan, mengumpat dan menghina, tetapi ianya adalah bulan Al-Quran, bulan berzikir, mendirikan malam dengan tarawih dan tahajjud, bertasbih, bersedekah, menghadiri majlis-majlis ilmu, menuaikan umrah dan

MASALAH PEMBAYARAN PINJAMAN PTPTN KEPADA PELAJAR

Pihak Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Nasional (PTPTN) telah menggunakan sistem baru dalam proses pembayaran wang pinjaman kepada pelajar yang dikenali sebagai 'Autopay'. Kaedah ini dikatakan menyebabkan pelbagai masalah dalam proses pembayaran pinjaman pada semester lalu. Akibat pelbagai rungutan yang dilaporkan, ramai pelajar lambat mendapat

bayaran kerana beberapa masalah berikut iaitu:

- Nombor akaun salah
- Nombor kad

pengenalan yang telah tamat atau luput tempoh

- Status pelajar tidak dikemaskini
- Hilang Surat Perjanjian

Masalah ini tidak timbul pada semester-semester yang lepas kerana kaedah pembayaran yang dibuat adalah melalui Pejabat Bendahari KUTKM. Segala maklumat seperti nombor akaun, nombor kad pengenalan dan jumlah potongan dibuat atas pemantauan dan tanggungjawab Pejabat Bendahari sepenuhnya.

INTERAKSI PEJABAT HEP DENGAN PEMBANGUNAN

Unit Kebajikan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia telah mempunyai Penolong Pendaftar barunya apabila penjawat terdahulu, Pn. Suhaili binti Sallehudin telah bertukar ke Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset berkuasa 1 November 2002. Jawatan berkenaan kini disandang oleh En. Mohd Marwan b. Abu Kasim dari Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset.

KUTKM JUARA SUKAN 5 PENJURU

Pasukan KUTKM telah menyertai Sukan 5 Penjuru - KUTKM, UTMKL, ATMA, KUKTEM, KUITTHO yang telah diadakan pada 3 Ogos 2002 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur. Sebanyak empat acara sukan dipertandingkan iaitu Futsal, Bola Jaring, Bola Tampar Lelaki

pelajar KUTKM telah menyertai acara sukan Bola



Kontingen KUTKM Sukan MASUM 2002

Sukan MASUM - Kejohanan Sukan Pelajar Antara IPTA yang telah diadakan pada 20 - 24 Oktobre 2002 (Fasa I) dan pada 25 - 30 Oktobre 2002 (Fasa II). Universiti



Pasukan Bola Sepak KUTKM MASUM

Teknologi MARA telah diberi penghormatan bagi menganjurkan Sukan MASUM yang diadakan pada setiap tahun. Pasukan

dan Bola Tampar Wanita. KUTKM telah menjadi Johan Futsal, Naib Johan Bola Jaring, Johan Bola Tampar Lelaki dan Johan Bola Tampar Wanita. Sukan 5 Penjuru anjuran UTMKL yang diadakan pada setiap tahun merupakan sukan tahunan. Sukan 5 Penjuru diadakan bertujuan untuk menjalinkan interaksi antara pelajar dan staf.



yang berkemahiran kendiri, cergas dan cemerlang.

PROGRAM JATIDIRI - "JATIDIRI DINOBAT UNIVERSITI DIDAULAT"

Unit Kaunseling dan Kerjaya, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia telah berjaya menganjurkan Program Jatidiri KUTKM 2002 pada 24 hingga 27 Oktober 2002 yang bertempat di Pusat Latihan Pertanian Sungai Udang, Melaka. Program ini antara



lain bertujuan untuk membentuk mahasiswa yang memenuhi misi KUTKM sendiri iaitu melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketrampilan tinggi.

Seramai 110 orang mahasiswa dari pelbagai fakulti dan kaum terlibat dan ianya dilihat sebagai suatu usaha yang baik untuk mengeratkan hubungan perpaduan antara kaum. Di samping itu program ini membezir

hari 3 malam ini bercirikan latihan bersepudu (aspek fizikal, mental, emosi dan kerohanian) serta pembelajaran melalui pengalaman secara lebih proaktif dan mencabar. Antara aktiviti yang dijalankan adalah berbentuk permainan yang memerlukan semangat kerjasama dalam kumpulan



kesedaran kepada mahasiswa tentang peranan dan tanggungjawab mereka kepada agama, bangsa dan negara.

Program selama 4



dan ceramah yang memberi motivasi kepada mahasiswa untuk menjadi individu yang berfikiran positif dan matang.

Secara keseluruhannya program ini mendapat sambutan dan sokongan yang begitu menggalakkan dari mahasiswa sendiri dan



PTPTN, JPA (103), Yayasan Melaka (7), Yayasan Selangor (1), Yayasan Selangor (1), Yayasan Sabah (3), Yayasan Sarawak (7), Yayasan Perak (1), Yayasan BSKL (1) dan MARA (3). Terbaru, pada 13 November 2002, seramai 60 orang pelajar telah menandatangani surat perjanjian biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Kompleks Makmal Fasa B, KUTKM.

kakitangan KUTKM yang terlibat sebagai urus setia. Ianya dilihat sebagai suatu usaha untuk mendekatkan dan merapatkan lagi hubungan yang erat antara pelajar dengan staf HEP

| JENIS PINJAMAN | JUMLAH |
|------------------|--------|
| PTPTN | 1314 |
| JPA | 103 |
| YAYASAN MELAKA | 7 |
| YAYASAN SELANGOR | 1 |
| YAYASAN SABAH | 3 |
| YAYASAN SARAWAK | 7 |
| YAYASAN PERAK | 1 |
| YAYASAN BSKL | 1 |
| MARA | 3 |
| JUMLAH BESAR | 1500 |

Don't ask what you demand for life but ask what life demands from you

UNIT KEBAJIKAN

PINJAMAN PELAJARAN DAN BIASISWA AGENSI KERAJAAN

Kesemua 1,500 orang pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia telah menerima pinjaman pelajaran dan juga biasiswa dari pelbagai agensi. Antara agensi yang terlibat ialah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Yayasan Melaka, Yayasan Selangor, Yayasan Sabah, Yayasan Sarawak, Yayasan Perak, Yayasan BSKL dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Menerusi statistik terkini, Unit Kebajikan Pejabat Hal Ehwal Pelajar KUTKM sehingga November 2002, seramai 1314 orang pelajar menerima pinjaman dari

PTPTN, JPA (103), Yayasan Melaka (7), Yayasan Selangor (1), Yayasan Sabah (3), Yayasan Sarawak (7), Yayasan Perak (1), Yayasan BSKL (1) dan MARA (3). Terbaru, pada 13 November 2002, seramai 60 orang pelajar telah menandatangani surat perjanjian biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Kompleks Makmal Fasa B, KUTKM.

kakitangan KUTKM yang terlibat sebagai urus setia. Ianya dilihat sebagai suatu usaha untuk mendekatkan dan merapatkan lagi hubungan yang erat antara pelajar dengan staf HEP



dengan itu, sebuah buku telah diterbitkan dengan tujuan sebagai panduan kepada penghuni Kolej Kediaman sepanjang mereka menetap di sini. Buku yang dinamakan Peraturan dan Tata tertib Kolej Kediaman Mahasiswa KUTKM telah digunakan sejak sesi pengajian 2001/2002. Bagaimanapun, dengan penambahan pelajar, kekangan dan kekurangan yang ada di dalam buku tersebut maka pihak Kolej Kediaman atas dasar keprihatinan telah melakukan beberapa pindaan dengan tujuan penambahbaikan. Buku Peraturan dan Tata tertib Kolej Kediaman Mahasiswa telah dikemaskini dan ditambah dengan senarai dendaan bagi setiap kesalahan maka terbitlah buku Peraturan dan Tata tertib Kolej Kediaman KUTKM yang lebih efisien. Buku ini telah siap dicetak dan diedarkan kepada semua penghuni Kolej Kediaman pada 9 November 2002. Buku ini juga telah diedarkan kepada semua staf Unit Kolej Kediaman, pengetua dan felo, pegawai-pegawai kanan dan juga semua staf Unit Keselamatan, termasuk para siswa/wi. Dengan terbitnya buku Peraturan dan Tata tertib Kolej Kediaman KUTKM berwajah baru ini diharapkan dapat memelihara sahsiah penghuninya seterusnya memastabatkan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

UNIT PENTADBIRAN

JUMLAH STAF

Pada masa ini terdapat seramai 24 orang staf di Pejabat Hal Ehwal Pelajar yang diketuai oleh Dekan HEP Prof. Madya Dr. Hj. Su'aidei bin Dato' Safei. Ketua-ketua unit dan staf sokongan organisasi Pejabat Hal Ehwal Pelajar di bahagikan kepada tujuh unit iaitu Unit Pentadbiran & Disiplin Pelajar diketuai oleh En. Affindi Bin Abu Bakar, Unit Kebajikan diketuai oleh En. Mohd Marwan Bin Abu Kasim, Unit Aktiviti Pelajar diketuai oleh En. Md Nor Bin Ali PJK, Unit Agama diketuai oleh En. Radzuan Bin Nordin, manakala Unit Kaunseling diketuai oleh En. Ali Hafizor Bin Mohamed Rawi, Unit Kolej Kediaman diketuai oleh En. Mohd Nizam Bin Mazlan dan Cik Mazne Bte Ja'affar dan Unit Sukan & Rekreasi Puan Asiah Bte Hj. Mohd Pilus.

HEP juga telah mewujudkan Bahagian Grafik yang bertanggungjawab urusan penerbitan dan promosi. Unit Kebajikan pula diketuai oleh En. Mohd Marwan bin Abu Kasim.


Pejabat Hal Ehwal Pelajar mempunyai sebuah Van Toyota Serena, sebuah kereta Proton Wira yang digunakan untuk pelbagai tujuan dan sebuah kereta Proton Perdana untuk kegunaan Dekan HEP.

DISIPLIN PELAJAR KUTKM

Disiplin pelajar KUTKM pada keseluruhannya adalah pada tahap yang membanggakan, di mana mereka mematuhi peraturan-peraturan yang telah diwartakan oleh Unit Disiplin Pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pelajar yang masih lagi ingkar akan peraturan-peraturan tersebut. Terdapat kes-kes di mana pelajar-pelajar gagal mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Antaranya ialah Kegagalan mematuhi garis panduan kod etika pakaian KUTKM. Terdapat pelajar-pelajar yang balik lewat ke asrama (melebihi jam 12:00 tengah malam), vandalisme di mana pelajar merosakan alat pemadam api (*fire extinguisher*). Terdapat juga pelajar yang menyusup masuk melalui bawah pagar di asrama. Semua perbuatan di atas merupakan satu gejala yang tidak sihat dan berkemungkinan akan merosakan imej pelajar-pelajar KUTKM yang lain dan sekaligus nama baik KUTKM. Namun begitu, Unit Disiplin dengan kerjasama Unit Keselamatan dan Unit Kolej Kediaman membuat pantauan dari semasa ke semasa untuk memastikan pelajar-pelajar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan.

SIJIL AKUJANJI

Se semua pelajar baru sesi Mei 2002/2003 telah menandatangani sijil akujanji walaupun pada awalnya terdapat segelintir pelajar yang gagal hadir untuk menandatangani sijil akujanji. Alasan yang diberikan atas kegagalan tersebut ialah mereka tidak maklum akan masa dan hari yang telah ditetapkan untuk menandatangani sijil akujanji. Terdapat juga pelajar yang memberi alasan bahawa mereka menghadapi masalah yang tidak dapat dielakkan seperti mengalami kemalangan. Walau bagaimanapun, mereka mengakui kesilapan dan berjanji untuk tidak mengulangi pada masa yang akan datang.



BUKU PERATURAN DAN TATATERIB KOLEJ KEDIAMAN KUTKM

Oleh Mazne Ja'affar

Unit Kolej Kediaman di bawah naungan Pejabat Hal Ehwal Pelajar amat prihatin terhadap sahsiah, disiplin dan tata tertib para pelajar KUTKM umumnya dan penghuni Kolej Kediaman khasnya. Sehubungan

STATISTIK PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia menyediakan kemudahan penginapan kepada para pelajarannya. Terdapat tiga fasa kediaman pelajar dalam bentuk berbeza yang disediakan bagi menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah pada setiap semester. Fasa I merupakan rumah kedai yang menempatkan pelajar siswi, fasa II adalah rumah teres 23 unit untuk pelajar siswa dan fasa III merupakan dua blok pangaspuri yang menempatkan pelajar siswa dan sebahagian pelajar siswi. Di samping itu terdapat segelintir pelajar-pelajar yang tinggal di luar Kolej Kediaman di sekitar Ayer Keroh. Berikut merupakan statistik penempatan pelajar di Kolej Kediaman:



PELAJAR YANG TINGGAL DI KOLEJ KEDIAMAN

| | |
|--|--------------|
| Siswa | 811 orang |
| Siswi | 486 orang |
| PELAJAR YANG TINGGAL DI LUAR KOLEJ KEDIAMAN | |
| Siswa | 91 orang |
| Siswi | 53 orang |
| Jumlah pelajar yang tinggal di asrama | 1,297 |
| Jumlah pelajar yang tinggal di luar | 144 |
| JUMLAH | 1,441 |

* statistik sehingga November 2002

ANDA TIDAK DAPAT
MENGEMBIRAKAN SEMUA
ORANG DENGAN HARTA
BENDA. OLEH ITU
GEMBIRAKANLAH
MEREKA DENGAN
SENYUMAN BERSERI DAN
IKHLAS LUHUR

- (MAKSUD HADITH)

UNIT AKTIVITI

KONVENTSEN MAHASISWA NEGERI MELAKA “SIREH PULANG KE GAGANG” - 14 SEPT 2002

Seramai 40 orang mahasiswa Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia telah dijemput untuk menghadiri satu konvensyen mahasiswa Negeri Melaka di Dewan Kolej Yayasan Melaka. Konvensyen ini merupakan anjuran Kolej Yayasan Melaka dengan kerjasama Biro Tatanegara.

Konvensyen itu telah dirasmikan oleh YB Dato' Long Bin Said selaku Ahli Exco Pendidikan Negeri Melaka. Ini bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada mahasiswa-mahasiswa IPTA berbincang dan memahami mengenai isu pendidikan dan ekonomi semasa. Ia juga memberi pendedahan kepada masyarakat dan generasi muda tentang peranan pendidikan dan ilmu yang sering diperkatakan dalam usaha melahirkan mahasiswa yang berkualiti seiring dengan keperluan negara.

MALAM PERJUANGAN GEMILANG

Pada 11 September 2002 bertempat di Dewan Banquet, Ayer Keroh Melaka telah berlangsung satu Program yang dinamakan "Malam Perjuangan Gemilang" sempena sambutan Hari Kemerdekaan. Mahasiswa-mahasiswa KUTKM komited dalam majlis tersebut dengan menyumbang persembahan tradisional

pada malam itu. Majlis anjuran bersama Universiti Multimedia dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia ini diserikan dengan kehadiran Yang Berbahagia Datuk Hajah Ramlah Abas dan ketua-ketua jabatan negeri Melaka.

MAJLIS PELANCARAN “MELAKA TROPICAL FRUIT FARM” & PERASMIAAN HANG TUAH MALL MELAKA

Pada 3 Okt 2002, 12.00 tengahari YAB Datuk Seri Utama Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Majlis Pelancaran “Melaka Tropical Fruit Farm” bertempat di Selandar, Jasin Melaka. Terdapat pelbagai gerai menjual buah-buahan tempatan. YAB Perdana Menteri Malaysia juga turut melawat gerai-gerai tersebut.

Orang ramai yang hadir telah dibekalkan sekotak

buah mangga dan minuman sebagai menghargai kehadiran mereka ke majlis tersebut.

Pada sebelah malam pula YAB Perdana Menteri Malaysia bersama-sama Ketua Menteri Melaka dan Ketua-ketua Jabatan telah merasmikan Hang Tuah Mall. Pelbagai acara telah diadakan dengan meriah sekali. Sepanjang jalan Hang Tuah juga dipenuhi dengan

gerai makanan yang menjual pelbagai jenis makanan. Ini bertujuan untuk meningkatkan taraf pendapatan para peniaga yang menjalankan perniagaan dan juga memperingati serta menyelami semangat keahlawanan Hang Tuah dalam memartabatkan Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah.

PROFESIONAL, ENGINEERING, LEADERSHIP, TEAMWORK, AWARENESS CAMP (PELTAC 2002)

Pada 7 - 10 Oktober 2002 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai



mahan ini diadakan adalah untuk mengekalkan minat di kalangan mahasiswa/si untuk terus membangunkan potensi mereka. Ia juga mendedahkan peserta kepada ciri kepimpinan yang



diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari.

Bahasa perantaraan yang digunakan dalam perkhemahan ini keseluruhannya adalah Bahasa Inggeris. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Madya Mohd Nordin bin Hj Mohd Yusof.

“ anda tidak akan berapa menyesal jika anda tidak mempunyai wang , tetapi anda akan terlebih menyesal jika anda tidak ada pengetahuan ”

Johor telah diadakan kem Profesional, Engineering, Leadership, Team work, Awareness. Perkhemahan ini adalah anjuran bersama “Society of Manufacturing Engineers student of UKM dan “The Institution of Engineers Malaysia”.

Antara objektif perkhemahan

PROGRAM IHYA' RAMADHAN 1423H

Dalam usaha mengimarakkan sambutan Ramadhan al-Mubarak pada tahun ini, Unit Agama dengan kerjasama BEAK telah mengatur beberapa program seperti dalam jadual berikut :

| PROGRAM | TARIKH | MASA |
|------------------------|--|---|
| Solat Tarawih | Setiap malam | 8.30 – 9.30 |
| Tadarus al-quran | Setiap hari | 12.30 – 2.00 tgh (Staf) 9.30 – 11.00 mlm (Pelajar) |
| Khatam al-quran | 3.11.2002 | 12.30 – 1.30 tgh |
| Sivik Ramadhan | 12.11.2002 20.11.2002 29.11.2002 | 9.15 – 10.15 mlm |
| Ceramah Nuzul al-quran | 22.11.2002 | 9.30 – 10.30 mlm |
| Qiamullail | 1.11.2002 | 3.30 – 5.30 |